

MICCOS 2013: KOMODITI MAMPAN MENJAMIN MASA DEPAN



Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyampaikan ucapan semasa perasmian MICCOS 2013.

KANDUNGAN

● MICCOS 2013: Komoditi Mampan Menjamin Masa Depan	1
● Dari Meja Ketua Penyunting	2
● Sudut Teknologi - Prestasi Tanaman Kacang Hijau Secara Integrasi dengan Sawit	4
● Kuiz Sawit	7
● Kenalilah... Tanaman yang Sesuai Diintegrasikan dengan Sawit	9
● Sudut Kreatif Sawit	11
● Sembang Sawit	12
● Sedutan Akhbar	13
● Tahukah Anda?	15
● Berita Bergambar	16
● Diari & Peristiwa	18
● Profil Komoditi	20
● Peladang Jaya	22
● Direktori MPOB	24
● Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC)	28



Merasmian dan Persidangan Antarabangsa Komoditi Malaysia 2013 atau *Malaysia International Commodity Conference and Showcase* (MICCOS) 2013 yang dianjurkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah berlangsung selama empat hari iaitu dari 24 hingga 27 Oktober 2013 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. Penganjuran MICCOS 2013 dengan tema Komoditi Mampan Menjamin Masa Depan mencerminkan keperluan sektor komoditi negara untuk berubah (*transform*) terutamanya dalam aspek kemampuan untuk kekal berdaya saing. Acara dwi tahunan ini telah berjaya menarik lebih 30 000 pengunjung. Selain menjadi jambatan penghubung di antara pengeluar dan pengguna, program ini turut menjadi platform untuk mempamerkan pencapaian industri komoditi dan program perladangan negara. MICCOS 2013 telah dirasmikan oleh Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri MPIC pada 26 Oktober 2013.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas semasa berucap merasmikan MICCOS 2013 memberitahu, MPIC akan terus komited membangun dan memacu sektor industri komoditi sebagai penyumbang utama kepada pendapatan negara bagi membantu negara mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. MPIC telah diamanahkan melaksanakan pembangunan

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.

Bersambung ke muka surat 2

Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI
Hj Ahmad Sidek Stroo

TIMBALAN PENERUSI
Hj Wahid Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING
Dr Norman Kamarudin
Hj Idris Omar
Hj Zulkifli Abd Manaf
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Ab Aziz Md Yusof
Noor Asmawati Abd Samad
M Ayatollah K Ab Rahman
Abdullah Hashim

SETIAUSAHA
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

dua komoditi utama iaitu sawit dan getah di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Melalui pelaksanaan NKEA ini, sektor sawit dianggarkan akan menyumbang kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM 178 bilion dan mewujudkan sebanyak 41 600 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Menteri MPIC juga memberitahu bahawa sepanjang tahun 2012, sektor sawit dan getah telah menjana RM 127.5 bilion kepada pendapatan eksport negara atau 18.5% daripada keseluruhan pendapatan eksport negara yang berjumlah RM 702.2 bilion. Sehingga Jun 2013 pula, nilai eksport sektor komoditi ini telah mencecah RM 55.4 bilion atau 16.4% daripada jumlah keseluruhan hasil eksport negara iaitu sebanyak RM 337.8 bilion. Beliau yakin bahawa sektor komoditi akan terus menjadi antara penyumbang utama pendapatan negara dari segi jumlah eksport walaupun keadaan ekonomi dunia tidak menentu pada masa ini.

Selain sektor sawit dan getah, industri kayu-kayuan akan terus diperkayakan selari dengan

Bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Pada 24 hingga 27 Oktober 2013 yang lalu telah berlangsung program dwi tahunan Pameran dan Persidangan Antarabangsa Komoditi Malaysia (MICCOS) 2013 anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Ia diadakan di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. Agensi di bawah MPIC iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dan Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan syarikat swasta telah mempamerkan pelbagai teknologi serta memberi maklumat terkini kepada pengunjung termasuk golongan pekebun kecil sawit dari seluruh negara. Ia merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk membantu meningkatkan ilmu pengetahuan dan seterusnya meningkatkan produktiviti bagi menambah pendapatan mereka. Beberapa siri seminar juga telah diadakan termasuk Seminar Pekebun Kecil Sawit MICCOS 2013 pada 25 Oktober 2013.

Salah satu acara semasa majlis perasmian Seminar Pekebun Kecil MICCOS ialah penyampaian sijil RSPO kepada kumpulan SPOC Kg Toniting, Beluran, Sabah yang terdiri daripada 42 pekebun kecil sawit, melibatkan keluasan sawit sebanyak 253 ha. Ia mencatat sejarah sebagai kumpulan pekebun kecil persendirian yang pertama di Malaysia dan ketiga di dunia dianugerahkan sijil RSPO. Kejayaan ini merupakan kerjasama MPOB dengan Wild Asia di bawah program Wild Asia Group Scheme (WAGS). Di harapkan kejayaan mereka ini mendorong kumpulan SPOC yang lain untuk memperoleh sijil RSPO dan pensijilan lain yang bertaraf dunia.

Di samping meningkatkan produktiviti ladang, kerajaan juga mahu pekebun kecil mendapat pulangan terbaik bagi buah tandan segar (BTS) yang dihasilkan. Salah satu inisiatif diambil kerajaan melalui MPOB ialah penubuhan Koperasi Pekebun Sawit Mampan (KPSM). Di samping menjalankan jualan kelompok BTS bagi mendapat tawaran harga terbaik, KPSM juga boleh menjalankan aktiviti seperti membeli baja secara pukal dan menyediakan khidmat pengurusan kebun sebelum mereka mengusahakan perniagaan yang lebih besar. Perkara ini telah ditekankan oleh Datuk Amar Douglas Uggah, Menteri MPIC dalam ucapan beliau semasa majlis pelancaran KPSM Sarikei pada 9 November 2013 di Bintangor, Sarikei, Sarawak. Setakat ini, sebanyak 30 KPSM telah ditubuhkan di seluruh negara demi kemajuan dan kesejahteraan pekebun kecil sawit.

Sambungan dari muka surat 2



Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri MPIC (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Pekebun Kecil Komoditi Terbaik (tempat pertama) kepada Hj Janis Abu Bakar (dua dari kanan) sempena MICCOS 2013. Turut kelihatan Datin Paduka Nurmalia Abd. Rahim, Ketua Setiausaha MPIC dan M. Nagarajan a/l N. Marie, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi).

matlamat yang digariskan di bawah dasar Perindustrian Perakayuan Malaysia (NATIP), iaitu sasaran pencapaian eksport perakayuan bernilai tambah berjumlah RM 53 bilion menjelang tahun 2020. Datuk Amar Douglas Uggah Embas juga berkata, komoditi lain seperti koko, lada, kenaf, sagu serta sektor bio bahan api mempunyai potensi besar untuk terus dibangunkan. Pembangunan komoditi koko akan dipergiatkan dengan penumpuan kepada strategi penanaman koko secara kelompok membabitkan kerjasama di antara Lembaga Koko Malaysia dengan pihak swasta. Bagi komoditi lada, kemampuannya sebagai satu sumber pendapatan bagi penduduk luar bandar telah terbukti dan berpotensi untuk ditingkatkan pada masa akan datang.

Penerokaan pasaran baru bagi komoditi kenaf akan terus dibangunkan melalui penyelidikan dan pembangunan perluasan kawasan tanaman, penerokaan pasaran baru serta aspek modenisasi pengeluaran produk berasaskan kenaf. Komoditi sagu pula yang majoritinya tertumpu di Sarawak akan diperhebatkan melalui pembangunan ladang satelit bagi membantu pekebun kecil sagu. Kaedah ini akan memanfaatkan pekebun kecil sagu terutamanya di Sarawak, khususnya melalui penglibatan agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan.

Semasa majlis perasmian program ini juga, Datuk Amar Douglas Uggah Embas telah menyampaikan anugerah berkaitan penyelidikan dan pembangunan industri komoditi negara. Salah satu anugerah yang disampaikan

ialah Anugerah Pekebun Kecil Komoditi Terbaik kepada Hj Janis Abu Bakar yang telah mencapai penghasilan buah tandan segar (BTS) sebanyak 37.8 t/ha/thn. Beliau juga merupakan Ahli Kelab 30 Tan MPOB.

Seramai 3000 pekebun kecil yang berdaftar dengan Pusat TUNAS MPOB dari seluruh Semenanjung Malaysia termasuk 15 orang dari Sabah dan Sarawak telah dibawa menyertai program MICCOS 2013. Pekebun kecil terlibat telah berpeluang menghadiri Seminar Pekebun Kecil Sawit serta melawat gerai pameran yang dianjurkan oleh MPIC.

Semasa Seminar Pekebun Kecil Sawit yang diadakan sempena MICCOS 2013, Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Pengerusi MPOB telah menyampaikan sijil Rundingan Meja Bulat Mengenai Kemampanan Minyak Sawit (RSPO) kepada wakil pekebun kecil sawit daripada Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) Beluran. SPOC Beluran di Sabah merupakan kumpulan pekebun kecil persendirian pertama di Malaysia dan yang ketiga di dunia yang menerima Sijil RSPO untuk kategori Pekebun Kecil Sawit Persendirian.



Sumbangan:
Nur Hanani Mansor
(nurhanani@mpob.gov.my)

SUDUT TEKNOLOGI

PRESTASI TANAMAN KACANG HIJAU SECARA INTEGRASI DENGAN SAWIT

Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah mencadangkan supaya produktiviti tanaman ditingkatkan melalui pengoptimuman penggunaan tanah pertanian yang sedia ada. Menyedari hakikat ini, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menggalakkan aktiviti integrasi tanaman dan ternakan dipergiatkan di kawasan tanaman sawit di Malaysia. Beberapa model teknologi telah dikenal pasti untuk dimajukan dan diketengahkan kepada industri sawit negara untuk diguna pakai bagi membantu dan meningkatkan pendapatan pekebun sawit. Di antara teknologi tersebut ialah integrasi tanaman kacang hijau (*Vigna radiata*) dengan sawit (*Rajah 1*). Tanaman kacang hijau mula diperkenalkan di Malaysia pada 1977 dan telah diusahakan di Jabatan Pertanian Sarawak sebagai plot pemerhatian.



Rajah 1. Tanaman kacang hijau 60 hari selepas ditanam.

Kajian yang dijalankan oleh MPOB membuktikan bahawa integrasi kacang hijau bersama sawit tidak memberi kesan negatif ke atas pertumbuhan dan hasil sawit. Kacang hijau mempunyai nilai protein yang tinggi dan berupaya menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil sawit. Penanaman kacang hijau yang diusahakan secara komersial boleh memberikan pendapatan tambahan yang baik kepada pekebun sawit. MPOB telah menjalankan kajian penanaman kacang hijau secara integrasi bersama sawit menggunakan sistem sawit dua baris.

Sistem ini mampu menjamin pusingan penanaman bagi tempoh yang panjang dan berterusan, selain dapat memaksimumkan penggunaan tanah. Tanaman kacang hijau yang diintegrasikan dengan sawit mampu mencapai kepadatan sebanyak 250 000 pokok/ha, dengan menggunakan sistem sawit dua baris.

Penanaman dan Penyelenggaraan Kacang Hijau

Mengikut kaedah sistem tanaman sawit dua baris, sawit ditanam dalam dua barisan dan jarak barisan ialah 15.2 m. Jarak tanaman sawit dalam dua barisan pula ialah 6.1 m x 9.1 m dengan kepadatan tanaman sawit sebanyak 136 pokok/ha, iaitu sama dengan sistem tanaman segi tiga biasa yang mempunyai jarak tanaman 9.1 m x 9.1 m x 9.1 m.

Pembajakan tanah dijalankan sebanyak tiga pusingan, iaitu dua kali bajak piring dan satu kali bajak putar pada kedalaman 20-25 cm. Kawasan yang dibajak dibiarkan 5-7 hari sebelum pusingan pembajakan yang berikutnya dijalankan bagi memusnahkan rumpai dan perosak yang terdedah kepada panas matahari.

Pengapuran dijalankan selepas kerja membajak piring kedua, iaitu sebelum kerja membajak putar bermula pada kadar 1.0 tan/ha. Jenis kapur yang digunakan adalah *ground magnesium limestone* (GML).

Penanaman dijalankan pada cuaca yang sesuai, iaitu pada musim hujan yang sederhana (Februari-April). Bekalan biji benih yang berasal dari Taiwan dan Indonesia boleh diperolehi daripada pembekal tempatan yang berlesen.

Kacang hijau ditanam pada jarak 40 cm antara barisan dan 10 cm dalam barisan (*Rajah 2*) dan kadar bijih benih diperlukan ialah sebanyak 10 kg/ha.


Penanaman dilaksanakan secara tugal atau jentera selepas pembajaan asas dijalankan. *Jadual 1* menunjukkan program pembajaan yang dijalankan. Kawalan rumpai secara manual dijalankan 25-30 hari/pusingan bagi setiap bulan, iaitu bersamaan 2-3 pusingan semusim.

Penuaian dan Hasil

Penuaian pertama boleh dijalankan apabila tanaman kacang hijau berumur 60-66 hari selepas tanam. Kebiasaannya sebanyak 2-3 pusingan penuaian dijalankan semusim. Penuaian kedua

Bersambung ke muka surat 5

Sambungan dari muka surat 4



Rajah 2. Pelan tanaman kacang hijau integrasi menggunakan sistem sawit dua baris.

JADUAL 1. PROGRAM PEMBAJAJAN KACANG HIJAU INTEGRASI

Jenis baja	Baja asas* (kg/ha/musim)
Sebatian 15:15:15	200
Triple Superphosphate (TSP)	65
Muriate of Potash (MoP)	25

Nota: * Dijalankan sebelum pembajaan akhir.

dan ketiga dijalankan dalam jangka masa 10-14 hari selepas setiap penuaian.

Kaedah penuaian secara manual dilakukan dengan memetik lengai buah di setiap hujung dahan berbuah. Penuaian perlu dijalankan 2-3 pusingan semusim kerana peringkat kematangan lengai kacang tidak serentak. Lengai yang telah matang dikenal pasti apabila bertukar warna hijau cerah kepada keperangan. Lengai yang dituai perlu dijemur kering dalam panas matahari yang sederhana selama 2-3 hari sehingga mencapai peratus kelembapan 11%-13%.

Lengai kacang yang telah kering perlu dilerai menggunakan mesin pelera untuk mengasingkan biji kacang dari kulit lengai. Biji kacang yang telah dilerai akan dikumpul dan dianginkan bersih sebelum boleh digunakan atau dijual. Hasil kacang hijau yang dikaji adalah sebanyak 1.0 hingga 1.3 t/ha/musim.

Kos dan Pendapatan

Jumlah kos pengeluaran untuk menanam kacang hijau dengan sawit semusim adalah sebanyak RM 3731 sehektar (Jadual 2). Purata penge-

luaran hasil kacang hijau adalah 1.2 t/ha. Jika harga pasaran kacang hijau RM 5000/t (RM 5/kg), dianggarkan pendapatan kasar dan bersih masing-masing adalah RM 24 000 dan RM 9076. Tambahan pendapatan bulanan sebanyak RM 756 (Jadual 3).

Jumlah pendapatan sawit berdasarkan harga buah tandan segar (BTS) RM 604/t dan hasil 23.25

JADUAL 2. JUMLAH KOS PENGELUARAN INTEGRASI KACANG HIJAU DENGAN SAWIT

Input/aktiviti	Input kos/kontrak (RM)	Tenaga kerja		Jumlah (RM)
		Tenaga (hari)	Kos (RM)	
Benih (10 kg/ha)	120	-	-	120
Penyediaan kawasan	650	-	-	650
Penanaman	-	12	300	300
Pengapuran dan pembajaan	911	4	100	1 011
Kawalan rumpai	90	6	150	240
Kawalan penyakit dan perosak	360	6	150	510
Penuaian	-	36	900	900
Jumlah	2 131	64	1 600	3 731

Nota: 3 bulan untuk semusim penanaman (empat musim setahun).

Bersambung ke muka surat 27

- + Formula khas yang seimbang untuk meningkatkan hasil
- + Mengandungi nutrien lengkap bagi tumbesaran sawit
- + Mengawal pelepasan nutrien
- + Nutrien tersedia mudah diserap
- + Dirumus khas bagi tanah tropika

**COCK'S
HEAD**



BAJA SEBATIAN
MPOB F2
10.7 - 9.1 - 17.3 - 1.4 + 8



Rumusan Khas Lembaga
Minyak Sawit Malaysia

Ke Arah Mempertingkatkan Hasil Sawit Anda...

* Sebarang maklumat/pertanyaan sila hubungi
talian khidmat pelanggan kami di 1 800 22 1133 atau
emel kepada fertilizers@ccmberhad.com



????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab tiga soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **1 JUN 2014**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan
Faks: 03-8920 2932
Emel: shuhadah@mpob.gov.my

**JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM 100**

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN
ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 55(3)/SEPTEMBER-DISEMBER 2013**

(Sila bulatkan jawapan yang betul)

1. Apakah tema Pameran dan Persidangan Antarabangsa Komoditi Malaysia 2013 (MICCOS) yang telah diadakan pada 24-27 Oktober 2013?
 - a. Menjana Kekayaan Melalui Inovasi
 - b. Transformasi Pertanian Melalui Inovasi
 - c. Komoditi Mampan Menjamin Masa Depan
 - d. Komoditi Lestari Menjana Ekonomi Negara
2. Berapakah potensi hasil kacang hijau yang dijangka diperolehi semusim?
 - a. 2.0 – 2.5 t/ha/musim
 - b. 1.7 – 2.0 t/ha/musim
 - c. 1.5 – 1.8 t/ha/musim
 - d. 1.0 – 1.3 t/ha/musim

Bersambung ke muka surat 8



Sambungan dari muka surat 7

3. Apakah tanaman jangka pendek yang sesuai diintegrasikan dengan sawit?
 - a. Betik
 - b. Kacang hijau dan kacang soya
 - c. Tongkat Ali dan tebu kuning
 - d. Pisang tanduk dan pisang berangan

4. Manakah antara berikut BUKAN fungsi deodoran berasaskan sawit?
 - a. Meneutralkan bau peluh
 - b. Menghalang pengeluaran peluh
 - c. Bertindak sebagai antiseptik
 - d. Semua di atas

5. Antara berikut integrasi manakah yang TIDAK diusahakan oleh Peladang Jaya, En Lai Siang Ann di kebun sawit beliau?
 - a. Integrasi sawit dengan pokok gaharu dan sayur-sayuran
 - b. Integrasi sawit dengan ikan kerapu hibrid dan udang kertas
 - c. Integrasi sawit dengan kambing
 - d. Integrasi sawit dengan lembu

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
No. Telefon : _____
Alamat : _____

Sudut Renungan

Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkan ia tersimpan di bumi dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya.

Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.

(Surah Al-Mukminun: 18 dan 19)

KENALILAH...**TANAMAN YANG SESUAI DIINTEGRASI DENGAN SAWIT****Pendahuluan**

Mengintegrasikan tanaman di ladang sawit adalah satu pendekatan yang berkesan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah bagi meningkatkan produktiviti ladang sawit. Pendekatan ini sesuai dilaksanakan oleh semua sektor sawit khususnya pekebun kecil sawit dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan. Projek integrasi yang dilaksanakan secara sistematik, berpotensi besar menyumbang kepada tambahan pendapatan penanam sawit. Di peringkat nasional, pendekatan ini sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara. Ia secara langsung menyumbang kepada pencapaian matlamat dasar ini khususnya dalam aspek menjamin bekalan makanan yang mencukupi. Walau bagaimanapun, pelaksanaan integrasi tanaman di ladang sawit bukanlah usaha yang mudah. Pelbagai aspek perlu diambil kira bagi menjayakan pelaksanaan bidang usaha integrasi supaya lebih bersifat komersial. Oleh itu, memahami jenis integrasi yang sesuai adalah penting bagi melaksanakan integrasi tanaman di ladang sawit.

Tanaman Sesuai Dintegrasikan

Tanaman yang sesuai diintegrasikan dengan sawit mestilah mempunyai ciri-ciri kesesuaian teknikal, ekonomik dan juga persekitaran. Ia penting bagi merealisasikan objektif sistem pengeluaran integrasi/bersepadu dapat dicapai dan dalam masa yang sama tidak menjejaskan kepentingan tanaman sawit. Ia boleh ditentukan dengan melaksanakan kajian yang berkaitan secara sistematik di lapangan. Ia boleh diperincikan lagi mengikut kumpulan tanaman. Walau bagaimanapun, fokus utama perbincangan dalam artikel ini hanyalah terhadap jenis tanaman yang sesuai sahaja, iaitu berdasarkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Jenis Tanaman Integrasi

Beberapa jenis tanaman telah dikaji untuk menentukan kesesuaiannya daripada aspek teknikal dan ekonomi untuk diintegrasikan dengan tanaman sawit tanpa menjejaskan tanaman sawit itu sendiri. Tanaman ini boleh dikategorikan mengikut tempoh matang seperti jangka pendek, sederhana dan panjang.

Bagi tanaman jangka pendek, tempoh matang tanaman adalah singkat. Biasanya 3-5 bulan tetapi kurang daripada setahun. Antara jenis tanaman kontan yang sesuai diintegrasikan di ladang sawit ialah jagung manis, tembikai, keledek, kacang tanah, kacang soya, padi huma dan kacang hijau. Tanaman ini boleh diintegrasikan di ladang sawit sebanyak 2-4 pusingan setahun. Walau bagaimanapun, bilangan pusingan penanaman yang sebenar bergantung kepada keadaan cuaca sepanjang tahun bagi sesuatu lokasi penanaman. Ia boleh menjana pendapatan yang cepat kepada penanam kerana tempoh pengeluarannya yang singkat.

Tanaman jangka sederhana mempunyai tempoh matang lebih daripada setahun hingga tiga tahun. Hanya satu pusingan tanaman boleh diusahakan dalam tempoh tersebut. Jenis tanaman jangka sederhana yang sesuai diintegrasikan di ladang sawit ialah nanas, tebu kuning, betik, pisang tanduk dan pisang berangan. Beberapa pusingan penuaian boleh dijalankan dalam tempoh tersebut untuk tanaman tebu kuning, betik, pisang berangan dan juga pisang tanduk. Di ladang sawit muda (1-3 tahun) sistem segi tiga sama, integrasi tanaman jangka sederhana dapat dilaksanakan 1-2 pusingan sahaja. Selepas itu, integrasi tanaman tidak lagi sesuai dilaksanakan kerana ruang antara baris-baris sawit sudah dilitupi oleh pelepah sawit.

Bagi tanaman jangka panjang, tempoh matang atau mula mengeluarkan hasil adalah lebih lama iaitu lebih daripada tiga tahun. Jenis tanaman ini hanya sesuai diintegrasikan di ladang sawit yang ditanam mengikut sistem dua baris sahaja. Ini kerana luas kawasan yang ada di antara dua baris sawit dapat menampung tempoh matang tanaman yang agak panjang. Antara contoh tanaman jangka panjang yang sesuai diintegrasikan dengan sawit sistem dua baris ialah Tongkat Ali dan baktrus.

Di samping itu, pelbagai jenis tanaman lain yang sedang dikaji dan menunjukkan kesesuaian teknikal untuk tujuan integrasi di ladang sawit. Jenis tanaman jangka pendek yang dikaji seperti kenaf untuk fiber dan foder serta sekoi dan juga rumput napier untuk foder ternakan. Manakala tanaman jangka panjang seperti lada hitam, koko, salak dan buluh madu (*Rajah 1*).

Bersambung ke muka surat 10

Sambungan dari muka surat 9



Tanaman tembakai.



Tanaman nanas.



Tanaman lada hitam.

Rajah 1. Jenis- jenis tanaman yang sesuai diintegrasikan di ladang sawit.

Penutup

Pelbagai jenis tanaman yang telah dikaji seperti dibincangkan dalam artikel ini didapati sesuai untuk diintegrasikan di ladang sawit. Jenis serta kaedah pelaksanaan integrasi yang diketengahkan menepati ciri kesesuaian yang diperlukan. Ia didapati berkesan dalam usaha untuk memaksimumkan penggunaan tanah bagi meningkatkan pendapatan penanam sawit. Pendekatan ini juga menyumbang kepada hasrat kerajaan meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negara dengan mengoptimalkan penggunaan sumber yang sedia ada. Akhir sekali, pendekatan ini dapat membantu meningkatkan kelestarian industri sawit negara.



Sumbangan:
Raja Zulkifli Raja Omar
(rajazul@mpob.gov.my)



CENDOL SAWIT

Bahan

250 g cendol	}	Santan cendol
1 liter <i>Khalis Santan Sawit</i>		
3 liter air		
1 sudu kecil garam		
10 helai daun pandan	}	Gula merah
300 g gula melaka		
1 liter air		
250 g gula pasir		
500 g gula merah		
5 helai daun pandan		
Ais parut (untuk hidangan)		



Cara Penyediaan

Santan cendol

1. Masak air bersama daun pandan sehingga mendidih.
2. Masukkan *Khalis Santan Sawit* dan garam.
3. Tunggu sehingga mendidih lagi.

Gula merah

1. Masak air bersama daun pandan sehingga mendidih.
2. Masukkan gula melaka, gula merah dan gula pasir.
3. Masak semua gula sehingga larut dan mendidih menjadi pekat.
4. Angkat, tapis dan sejukkan.

Hidangan

1. Masukkan gula merah, cendol, ais parut dan santan sawit ke dalam gelas.
2. Sedia untuk dihidang.



Sumber:

Khalis Santan Sawit:

<http://www.khalissantan.com/v3/~recipes>

Bersambung ke muka surat 12

Sambungan dari muka surat 11


PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

Sudut Kreatif Warta Sawit

Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur

u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan



SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : SABAH, SARAWAK MUNCUL NEGERI TERBESAR PENANAMAN SAWIT NEGARA

Sumber : Utusan Borneo Sarawak, 17 Mei 2013

Sabah dan Sarawak muncul sebagai negeri-negeri yang terbesar negara bagi tanaman sawit. Keluasan tanaman sawit di kedua-dua negeri ini berjumlah 2.52 juta hektar dan menyumbang hampir separuh daripada 5.08 juta hektar keluasan tanaman sawit Malaysia, iaitu 28.4% bagi Sabah dan 21.2% bagi Sarawak.

Di samping itu, Sarawak telah menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan penanaman sawit yang tertinggi iaitu 9.7% setahun bagi lima tahun kebelakangan ini, manakala Sabah 2.0% bagi tempoh masa yang sama.

Penanaman sawit di Sabah secara besar-besaran telah bermula dari akhir tahun 1980an dan kini lebih kurang 12% daripada tanaman sawit di Sabah telah sedia untuk ditanam semula.

Bagi suku tahun pertama 2013, negeri Sabah dan Sarawak masing-masing menyumbang kepada 26.6% dan 13.1% daripada 6.54 juta tan eksport produk sawit Malaysia.

Tajuk : KERAJAAN SEDIA BANTU PEKEBUN KECIL

Sumber : Berita Harian, 1 Jun 2013

Kerajaan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dalam setiap dasar pembangunan yang dirangka termasuk menyediakan pelbagai insentif dan bantuan kepada pekebun kecil sawit untuk bersama-sama meningkatkan taraf hidup dan pada masa sama melonjakkan pengeluaran hasil sawit negara di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Insentif dan bantuan yang diberi adalah pengiktirafan kerajaan terhadap pekebun kecil sawit yang turut memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

Satu projek di bawah program NKEA sawit adalah mempercepatkan penanaman semula pokok sawit tua yang tertanggung pada akhir 2010 sebanyak 109 000 ha oleh pekebun kecil.

Bagi tujuan penanaman semula sawit oleh pekebun kecil, peruntukan bernilai RM 902 juta disediakan kerajaan pada 2011 hingga 2013.

Tajuk: MPOB ANJUR PROGRAM PENYESUAIAN DENGAN MINYAK SAWIT

Sumber: Utusan Sarawak, 3 September 2013

KUALA LUMPUR - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Program Penyesuaian Minyak Sawit ke-33 (POFP) untuk kumpulan 34 peserta terpilih dari 17 negara. Objektif utama program ini adalah untuk membiasakan peserta dengan keseluruhan spektrum industri minyak sawit di Malaysia, yang meliputi pembangunan dan kemajuan dalam semua sektor utama industri.

"Daripada sebuah kilang hiasan pada 1870-an, minyak sawit hari ini memainkan peranan penting dalam menyediakan makanan berkhasiat, yang menjadi sumber bahan mentah bagi industri di peringkat global, selain menyumbang kepada pembangunan ekonomi di banyak negara," kata Datuk Noriah Kasnon, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Dalam ucapan sebelum merasmikan program itu, beliau berkata, berikutan pentingnya industri itu, ia telah dikenal pasti sebagai kunci ekonomi negara dalam Program Transformasi Ekonomi, untuk mengubah Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, peserta akan melihat sendiri banyak aspek industri sawit Malaysia, termasuk amalan pertanian yang baik dan mesra alam.

Bersambung ke muka surat 14

Sambungan dari muka surat 13

Tajuk: SPOC BELURAN PENERIMA SIJIL RSPO PERTAMA

Sumber: Utusan Borneo Sarawak, 15 November 2013

SERDANG - Kelompok Minyak Sawit Mampan atau *Sustainable Palm Oil Cluster* (SPOC) Beluran, Sabah diiktiraf sebagai penerima pertama sijil *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) di Malaysia dalam satu majlis penyampaian yang diadakan sempena Seminar Pekebun Kecil Sawit anjuran MPOB di sini, baru-baru ini.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Wan Ahmad ketika majlis perasmian seminar berkenaan.

Ketika berucap merasmikan seminar tersebut, Dato' Wan Khairil berkata di bawah program SPOC, pekebun kecil akan dibimbing dengan amalan peningkatan produktiviti dan penggunaan bahan tanaman sawit yang berkualiti selaras amalan serta kriteria pensijilan minyak sawit mampan.

"Matlamat penubuhan SPOC bagi melaksanakan pensijilan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang dilaksanakan oleh MPOB."

Tajuk: MPIC, MPOB BANGUNKAN PIAWAIAN SAWIT MSPO

Sumber: Utusan Borneo Sarawak, 15 November 2013

SERDANG - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui MPOB akan melaksanakan piawaian dan pensijilan Kelestarian Minyak Sawit Malaysia atau *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) sebagai piawaian dan pensijilan sawit negara.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata langkah ini bukan saja proaktif malah mampu mengetengahkan suara dan peranan Malaysia sebagai peneraju utama industri sawit di peringkat global dari segi pengeluaran minyak sawit yang mampan.

Katanya melalui pewujudan MSPO, ia berupaya menggariskan prinsip dan kriteria secara jelas minyak sawit yang dihasilkan oleh negara dan mudah membezakan dengan minyak sawit hasil keluaran negara lain.

Beliau berkata, seperti sektor lain, transformasi sektor komoditi turut dituntut bagi terus berdaya saing dan kompetitif dalam mengharungi cabaran di peringkat serantau dan global.

Tajuk: KOMPLEKS PEJABAT MPOB WILAYAH SABAH DIRASMI

Sumber: Utusan Borneo Sabah, 17 Disember 2013

KOTA KINABALU - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memperhebatkan usaha ke arah memantapkan industri sawit di Sabah dengan pelancaran Kompleks Pejabat MPOB Wilayah Sabah.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas merasmikan kompleks pejabat yang dibangunkan di kawasan seluas 23.2 ekar di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).

Selain dilengkapi dengan kemudahan pejabat pelesenan dan penguatkuasaan, kompleks pejabat MPOB juga menempatkan Pusat Maklumat Sawit (PMS) yang menyediakan kemudahan rujukan maklumat sawit kepada pihak industri di Sabah.

Pembangunan Kompleks Pejabat MPOB Wilayah Sabah adalah antara projek pembangunan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan MPOB. Ia melibatkan peruntukan sebanyak RM 4.6 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-9.

Tajuk: PENEMUAN DAN PENYELIDIKAN MPOB PERLU DIHEBAHKAN

Sumber: Utusan Borneo Sabah, 22 Disember 2013

SERI KEMBANGAN - Penemuan dan hasil penyelidikan yang dijalankan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) perlu dihebahkan menerusi penerbitan saintifik di dalam dan luar negara, sekali gus boleh menangkis tanggapan negatif terhadap minyak sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, ia penting bagi meningkatkan kesedaran mengenai kebaikan sebenar minyak sawit serta mempromosi kegunaannya dalam bidang makanan dan bukan makanan.

"Hasil penyelidikan itu boleh dijadikan bukti saintifik dalam menangani persepsi negatif dan menangkis kempen anti minyak sawit yang sedang giat dilaksanakan, khususnya oleh negara Kesatuan Eropah," katanya dalam ucapan pada Majlis Makan Malam dan Anugerah Q MPOB di Kuala Lumpur, kelmarin.

Beliau berkata baru-baru ini, penemuan saintifik daripada hasil penyelidikan MPOB julung kali diterbitkan dalam jurnal *Nature*, penerbitan ilmiah terkemuka dalam kalangan saintis.



DEODORAN SAWIT HALANG PELUH KAWAL BAU BADAN

Deodoran merupakan salah satu produk penjagaan diri yang digunakan dalam kehidupan seharian. Deodoran disapu pada badan, terutama di bawah ketiak berfungsi untuk menghilangkan bau yang berpunca daripada bakteria. Bacteria tersebut mendapat sumber makanan daripada kelenjar apokrin, sel kulit mati dan sel rambut. Menurut *US Food and Drug Administration* (USFDA), deodoran juga diklasifikasikan sebagai bahan kosmetik berubat yang mendapat sambutan hangat. Apakah fungsi sebatian alkohol dan aluminium dalam deodoran dan ubat anti peluh? Kebanyakan deodoran di pasaran mengandungi alkohol. Secara amnya, alkohol merangsang peluh dan pada masa yang sama ia membunuh bakteria. Walau bagaimanapun, alkohol boleh menyebabkan keradangan pada kulit. Sebatian aluminium juga digunakan dalam pembuatan deodoran untuk menghalang peluh. Sebatian ini membentuk lapisan penyumbat dalam saluran peluh, dan menghalang pengeluaran aliran peluh ke permukaan kulit. Tidak menghairankan bahawa penggunaan aluminium dalam deodoran dikatakan mempunyai kaitan dengan pengumpulan sebatian aluminium pada otak dan meningkatkan risiko penyakit Alzheimer. Oleh itu, kita perlu mencari alternatif deodoran tanpa alkohol dan aluminium agar ia lebih selamat digunakan. Deodoran boleh diformulasikan dengan antimikrob yang mampu menghalang pertumbuhan bakteria. Deodoran juga mengandungi pewangi atau pati minyak tumbuh-tumbuhan yang bertujuan untuk menutup bau peluh. Deodoran berasaskan sawit tidak berfungsi untuk menghalang pengeluaran peluh, tetapi berfungsi untuk menghilangkan kesan sampingan apabila seseorang berpeluh. Ia dapat meneutralkan bau peluh dan bertindak sebagai antiseptik untuk membunuh bakteria. Bacteria berperanan mengurai peluh yang menyebabkan bau tidak enak. Apakah itu *Sophorolipid Liquid Deodorant*? Kebanyakan deodoran di pasaran berfungsi se-

bagai antipeluh menyebabkan peluh yang bertoksin dalam badan tidak dapat dikeluarkan secara semula jadi dan akan terkumpul dalam badan. Sekali gus ia boleh menjadi punca kepada penyakit Alzheimer. Kajian MPOB terhadap minyak sawit telah berjaya menghasilkan deodoran yang berasaskan minyak sawit iaitu *Sophorolipid Liquid Deodorant* (Rajah 1) yang bebas dari sebarang bahan kimia berbahaya seperti alkohol dan aluminium. Deodoran ini dihasilkan melalui kaedah bioteknologi menggunakan yis khas yang diimport dari Amerika Syarikat dan minyak sawit. Deodoran ini tidak menghalang peluh keluar dari badan, tetapi boleh mengawal bau badan. *Sophorolipid Liquid Deodorant* sesuai untuk semua jenis kulit dan tidak menyebabkan keradangan dan kekeringan kulit serta tidak meninggalkan kesan kuning di baju dan ketiak.



Rajah 1. Sophorolipid Liquid Deodorant.

Selain mesra pengguna, ciptaan terbaru MPOB ini boleh menjana ekonomi negara, selain menyahut seruan kerajaan dalam mengeluarkan dan menggunakan produk tempatan, termasuk memasarkannya ke luar negara. Kos pembuatan *Sophorolipid Liquid Deodorant* adalah rendah berbanding deodoran yang menggunakan bahan kimia. Ia mudah digunakan, tidak melekit, mampu mengawal bau badan dan membuang toksin menerusi pengeluaran peluh masih berlaku seperti biasa. Teknologi ini telah memenangi Anugerah Emas pada pertandingan reka cipta, *International Invention, Innovation and Technology Exhibition* (ITEX 2011). *Sophorolipid Liquid Deodorant* adalah deodoran pertama keluaran Malaysia yang bersumberkan minyak sawit.



Sumbangan:
Dr Abdul Rashid M. Yatim
(arashidy@mpob.gov.my)

Berita Bergambar



Pegawai TUNAS menunjukkan cara memangkas pelepah sawit menggunakan Cantas sempena Program Jom Guna Cantas Zon Timur pada 19 September 2013 di FELDA Bukit Tajau, Maran, Pahang.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Pengerusi MPOB sedang menyampaikan ucapan sempena lawatan pertama beliau ke Ibu Pejabat MPOB pada 1 Oktober 2013.



Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB (tengah) diiringi Dr Ahmad Kushairi Din, Timbalan Ketua Pengarah (R&D) menyampaikan cenderahati kepada En Pemancha Willie Merum Liaw, Ketua Masyarakat Limbang, Sarawak sempena lawatan ke Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor pada 3 Oktober 2013.



Pegawai TUNAS sedang memberi penerangan tentang sawit kepada peserta kursus sempena Kursus Teknikal Sawit di Kampung Toniting, Beluran, Sabah pada 3 Oktober 2013.



Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Pengerusi MPOB (tiga dari kiri) bersama-sama penerima Sijil RSPO SPOC Beluran, Sabah semasa Seminar Pekebun Kecil Sawit sempena MICCOS 2013 pada 25 Oktober 2013 bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor. Turut kelihatan Evelyn Chye, Pengerus Jualan British Standard Institute (BSI), Datuk Dr Choo Yuen May dan En Aknan Ehtook, Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (tengah) menyampaikan Sijil MPOB Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada pekebun kecil semasa lawatan beliau ke Pavilion MPOB sempena MICCOS 2013 pada 26 Oktober 2013. Turut kelihatan Datin Paduka Nurmala Abd. Rahim, Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr James Dawos Mamit, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Dr Ahmad Kushairi Din, Timbalan Ketua Pengarah (R&D).



Pengunjung MICCOS memerhatikan Pegawai TUNAS membelah biji sawit untuk menentukan jawapan Kuiz Cuba Teka Jenis Biji Sawit sempena MICCOS 2013 yang berlangsung pada 24-27 Oktober 2013 bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri MPIC (dua dari kiri) menyampaikan replika kad keahlian Koperasi Penanam Sawit Mampan Sarikei kepada pekebun kecil sawit sempena Majlis Pelancaran Koperasi Penanam Sawit Mampan Sarikei, Sarawak pada 9 November 2013. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May dan En Aknan Ehtook.



DIARI & PERISTIWA

JANUARI-APRIL 2014

Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi
Kursus Kemahiran Menggred Buah Sawit			<p>Suraya Harun Tel : 03-8769 4868 (suraya@mpob.gov.my)</p>
Wilayah Utara	25-27/3/2014	Akan ditentukan kemudian	
Wilayah Sabah	8-10/4/2014		
Wilayah Tengah	22-24/4/2014		
Intensive Diploma in Oil Palm Management and Technology (IDOPMT)			
Semester 1	3-20/3/2014	Ibu Pejabat MPOB	
Latihan praktikal (estet)	24-28/3/2014		
Semester 2	31-24/3/2014		
Latihan praktikal (estet)	27/4-3/5/2014		
Semester 3	5-29/5/2014		
Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML)			
Tahap 1 dan 2	Mac (5 bulan)	PLASMA Keratong, Pahang	
Kursus Pengurusan dan Penyelenggaraan Nurseri Sawit			
Wilayah Sarawak	15-16/4/2014	Akan ditentukan kemudian	
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil			<p>Nursuhana Dahari (Penyelaras Tunas Zon Selatan 1) Tel : 07-7891133 nursuhana@mpob.gov.my</p>
Zon Selatan 1	Januari – April	MPOB Kluang / MPOB Kota Tinggi / MPOB Pontian, Johor	
Zon Tengah	Januari – April	MPOB UKM/ Sepang, Selangor	
